



## Keputusan Rasmi Pemilihan MPP UPM



*Suasana proses pembuangan undi di salah satu zon di UPM.*

**SERDANG, 29 Jan** – Keputusan rasmi pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) sesi 2009/2010 menyaksikan pembatalan kemenangan beberapa calon hasil bantahan kerana melanggar tatacara berkempen pemilihan MPP.

Keputusan rasmi yang dikeluarkan pada jam 11 pagi, 29 Januari menyaksikan 16 calon umum dan 32 calon fakulti daripada 99 calon yang bertanding berjaya mengisi 48 kerusi yang dipertandingkan.

Dua calon kerusi Fakulti Rekabentuk dan Senibina yang diwakili oleh Siti Nur Fathirah Adnan dan Ahmad Qadri Basri@Boseri diisytiharkan menang tanpa bertanding.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata kelancaran perjalanan pemilihan dan pengundian membuktikan mahasiswa universiti memahami proses demokrasi pemilihan MPP.



*Sebahagian pelajar yang keluar membuang undi.*

“Saya juga berharap barisan MPPUPM yang bakal dibentuk dapat bersama-sama dengan pihak universiti ke arah mencapai visi dan misi universiti di samping mengutamakan kebajikan pelajar termasuk perkara-perkara yang boleh membantu pencapaian akademik dan kemahiran insaniah pelajar,” katanya di majlis pengumuman keputusan pada 26 Januari lalu.

Sebanyak 12,873 (88.8 peratus) daripada 14,494 pelajar di kampus Serdang dan 621 (61 peratus) daripada 1,018 pelajar di kampus Bintulu telah keluar membuang undi pada 26 Januari dari jam 8 pagi hingga 5 petang.



*Proses pembuangan undi di UPM masuk tahun ketujuh menggunakan sistem pengundian elektronik, e-voting.*

Nurul Raihan Abu Samah dari Fakulti Ekologi Manusia yang bertanding sebagai calon umum menerima undian tertinggi sebanyak 7,855 daripada 47 calon lain.

Sistem pengundian secara elektronik atau e-undi yang masuk tahun ketujuh menjadi medium pengundian di 6 zon berbeza yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk, iaitu Dewan Putra 1 (Kolej Tiga Belas), Dewan Harmoni (Kolej Kelima), Dewan Putra 2 (Kolej Serumpun), Dewan Peperiksaan 1 (Fakulti Kejuruteraan), Makmal Komputer 2 (Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan) dan Kolej Sri Rajang (Bintulu).



*Suasana ketika pendaftaran pelajar sebelum membuang undi.*

Setiap fakulti memperuntukkan dua kerusi manakala 16 kerusi diperuntukkan untuk kerusi umum.

#### **Senarai pemenang pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UPM :**

##### **Calon Umum**

- 1) Nurul Raihan Abu Samah
- 2) Zulfahmi Ahmad Saibi
- 3) Cheah Chee Ioung
- 4) Syed Muhammad Adam Syed Abdul Rahman
- 5) Nik Nurul Nadiatulakma Nik Rahimi
- 6) Siti Fatimah Md Akhir
- 7) Mohd Firdaus Zainor Abidin
- 8) Mohd Fazhil Abdul Razak
- 9) Koh Joo Fong
- 10) Pang Ping Fen
- 11) Adibah 'Aini Anuar
- 12) Siti Aisah Atan
- 13) Muhammad Zulkhairi Dzulkifli
- 14) Hanita Hanim Mohd Ali

- 15) Low Yak Leng
- 16) Anas Abu Hassan

**Calon Fakulti****Fakulti Pertanian**

- 17) Mohd Nizam Zamre
  - 18) Maizatul Akmar Mat Jamal
- Fakulti Perhutanan**
- 19) Muhamad Shahir Yusoff
  - 20) Mohamad Yasir Maaruf

**Fakulti Perubatan Veterinar**

- 21) Lee Jin-Ee
- 22) Mohd Nadzmi Fahmi Suhaimi

**Fakulti Ekonomi dan Pengurusan**

- 23) Kavi Nanthan A/L Kathiravelo
- 24) Lee Shu Hui

**Fakulti Kejuruteraan**

- 25) Ahmad Bazli Muhammad Badruddin
- 26) Lim Seng Leong

**Fakulti Pengajian Pendidikan**

- 27) Mohd Faris Alias
- 28) Mohd Fazil Hj Yahaya

**Fakulti Sains**

- 29) Nuratiqah Amira Mohamad Murad
- 30) Siti Suria Mohd Dusuki

**Fakulti Sains dan Teknologi Makanan**

- 31) Soon Honn Keong
- 32) Wong Jien Fei

**Fakulti Ekologi Manusia**

- 33) Li Choon Fai
- 34) Dayang Shobihah Abang Abai

**Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi**

- 35) Nur Nadiyah Atiqah Mohd Safri
- 36) Hazwan Faisal Mohamad

**Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina**

- 37) Siti Nur Fathirah Adnan
- 38) Ahmad Qadri Basri@Boseri

**Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan**

- 39) Pak Hoe Weng
- 40) Chua Soo Ming

**Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat**

- 41) Siti Nor Hani Azizi
- 42) Mohd Razak Noor Aini

**Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul**

- 43) Nabihah Zulhemay
- 44) Shahirah Atiqah Osman

**Fakulti Pengajian Alam Sekitar**

- 45) Mohd Izmir Nasharuddin
- 46) Auji Nabilah Abdul Razak

**Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Kampus Bintulu**

- 47) Muhammad Hanif Ghazali
- 48) Siti Naqibah Maktar



*Sebahagian petugas di Zon 2, Dewan Harmoni Kolej Kelima.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Ili Syazwani Zahimi 03-89466013).**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia